

# UPM dipilih sekretariat baru Persatuan Perikanan Asia

KUALA LUMPUR 21 Nov. – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih oleh Persatuan Perikanan Asia (AFS) sebagai lokasi ibu pejabat sekretariat barunya yang akan dipindahkan dari Manila, Filipina bulan hadapan.

Menurut kenyataan UPM hari ini, universiti itu dipilih daripada tiga lagi pihak yang menawarkan diri sebagai sekretariat iaitu Asian Institute of Technology (AIT) Bangkok, Network of Aquaculture Centres in Asia-Pacific (NACA) di Bangkok dan Chulalongkorn University Thailand (CUT).

AFS yang ditubuhkan pada tahun 1984 beribu pejabat di Manila, sebelum ini mempunyai kira-kira 3,000 anggota dari 77 negara termasuk negara bukan Asia seperti Amerika Syarikat, Kanada, Amerika Selatan, Afrika dan Eropah.

Persatuan ini ditubuhkan oleh pakar perikanan negara Asia untuk membangunkan sektor perikanan dengan me-

ingkatkan kerjasama antara penyeliidik, jurutera dan pemegang saham dalam industri perikanan dan pengeluaran akuakultur.

Menurut kenyataan itu lagi, UPM baru-baru ini memeterai perjanjian selama lima tahun dengan AFS untuk meningkatkan industri akuakultur dan perikanan di Malaysia.

Perjanjian itu ditandatangani Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan AFS diwakili Prof Yang Yi dari China dengan disaksikan oleh Pengarah Institut Biosains, Prof Dr. Fatimah Md Yusoff dan Setiausaha AFS, Prof. Dr. Roshada Hashim.

Perjanjian itu meliputi kerjasama intelektual dan mengendalikan latihan di peringkat negara dan antarabangsa, memudahkan rangkaian kakitangan UPM dengan ahli AFS di seluruh dunia dan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan perikanan.

- Bernama

22/11/08 UTUSAN MALAYSIA